

20 NOV 2002

Mahathir-Islam

BIAR BERBEZA PENDAPAT DALAM POLITIK SAHAJA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta para anggota umno supaya membataskan perbezaan pendapat dengan pihak lain agar meliputi ruang permusuhan politik sahaja.

Perdana Menteri mengingatkan anggota parti supaya tidak bermusuh dengan mana-mana pihak atas alasan bukan Islam atau kurang Islam.

"Kita bermusuh dengan mereka cuma dari politik sahaja kerana berlainan pendapat terdapat di mana-mana...Tidak ada manusia yang mempunyai pendapat yang sama 100 peratus apatah lagi jumlah manusia sebanyak 11 juta umat Islam di Malaysia, sudah tentu mempunyai pendapat berbeza-beza," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika menyampaikan amanat selepas Majlis Berbuka Puasa Bersama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini malam ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Datin Seri Endon Mahmud serta beberapa menteri kabinet, anggota Parlimen, anggota Dewan Undangan Negeri dan pemimpin masyarakat beragama Islam.

Hadirin juga secara berjemaah menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Sunat Tarawih yang diimamkan Sheikh Mohamad Geberil dari Mesir.

Dr Mahathir berkata, tanpa perbezaan pendapat dan permusuhan mengenai agama, umat Islam akan lebih mudah merapatkan hubungan sesama mereka serta dapat memberikan tumpuan kepada ibadat.

Beliau juga meminta umat Islam berpegang kepada ajaran Islam yang mudah dan bukannya membuat tafsiran berbeza-beza mengenai agama sehingga menimbulkan percanggahan pendapat.

Beliau memberikan contoh mengenai pihak tertentu yang menambah sesi tazkirah selepas selesai rakaat keempat sunat tarawih, yang tidak pernah diamalkan pada masa dahulu.

"Saya dah tua juga, dah 77 tahun tapi masa dahulu tak pernah dengar perkataan tazkirah, tapi sekarang ada orang buat ibadat baru, masuk rakaat keempat kita berhenti, lepas itu bincang macam mana hendak maki orang lain, saya ingat ibadat dan tarawih kita terbang," katanya.

Sepanjang bulan Ramadan ini, Dr Mahathir berharap umat Islam melakukan ibadat yang mudah sebagaimana terdapat dalam ajaran Islam kerana dengan berpegang kepada ajaran yang mudah, umat Islam tetap boleh berjaya.

"Dalam ayat Al-Quran, ada yang jelas dan difahami ramai walaupun bagi orang yang tiada pengetahuan agama mendalam," tambahnya.

-- BERNAMA

RZS RZS MOZ